

310

SOALAN NO: 520

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH
KAWASAN : SANDAKAN**

SOALAN:

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan maklumat terperinci mengenai Globinaco Sdn. Bhd., Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. dan Gammerlite Sdn. Bhd. Sebagai syarikat kontraktor Kerajaan mengendalikan kerja penyelenggaraan jalan. Berapa lama sejak syarikat-syarikat tersebut dilantik sebagai kontraktor. Berapa peruntukan telah dibelanjakan oleh tiga-tiga syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat Konsesi Globinaco Sdn. Bhd. dan Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd adalah merupakan syarikat konsesi jalan Negeri yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah. Penyenggaraan Jalan Negeri ini dilaksanakan melalui peruntukan MARRIS dan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Manakala syarikat konsesi Gammerlite Sdn. Bhd. adalah pula merupakan syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan Negeri Sabah bagi kawasan pantai timur Sabah (Sandakan, Telupid, Lahad Datu, Kunak, Beluran dan Tawau) dengan jarak panjang keseluruhan jalan ialah 667km. Kontrak ini adalah kontrak Persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Tempoh kontrak ialah selama 15 tahun, bermula daripada 1 September 2003 dan akan berakhir pada 31 Ogos 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 3 tahun terakhir ini (2015-2017), Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM118juta secara keseluruhan melibatkan skop penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Pecahan peruntukan berkenaan ialah seperti di jadual dilampirkan.

Sekian, terima kasih.

**PERUNTUKAN MELIBATKAN SKOP PENYENGGARAAN RUTIN,
BERKALA DAN KECEMASAN**

Tahun	Kerja Rutin (RM)	Kerja Kecemasan (RM)	Kerja Berkala (RM)	Jumlah (RM)
2015	19,912,616.85	735,930.38	34,955,976.35	55,604,523.58
2016	20,118,048.58	648,393.93	10,692,172.64	31,458,615.15
2017	21,812,753.99	575,649.53	8,499,861.20	30,888,264.72
JUMLAH	61,843,419.42	1,959,973.84	54,148,010.19	117,951,403.45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : SOALAN BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT@WONG
NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH BAHAS : 28.03.18
NO. SOALAN : 521

TUAN WONG TIEN FATT@WONG NYUK FOH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan senarai pelaburan negara asing di Sandakan dari taun 2012 hingga 2017. Senaraikan semua nama projek pelaburan yang berada di Sandakan.

314

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2017, 10 buah projek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM496 juta telah diluluskan di Sandakan. Pelaburan ini dijangka akan menjana 1,148 peluang pekerjaan. Daripada 10 projek ini, hanya 2 projek melibatkan pelaburan asing yang berjumlah RM25 juta. Dua buah syarikat asing yang diluluskan tersebut adalah Behn Meyer Agricare (M) Sdn. Bhd. (kimia) dan Hap Seng Plantations (River Estates) Sdn. Bhd. (makanan). Setakat ini, hanya syarikat Behn Meyer Agricare (M) Sdn. Bhd. telah dilaksanakan.

Keseluruhannya bagi negeri Sabah, dari tahun 2012 hingga 2017 sebanyak 113 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.5 bilion telah diluluskan. Pelaburan ini dijangka telah menjana 11,159 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, 37 projek melibatkan pelaburan asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.6 bilion. Sektor utama yang melibatkan pelaburan asing tersebut adalah sektor pembuatan makanan, petroleum, mesin dan jentera serta kimia.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui kerjasama dengan semua agensi berkenaan di peringkat negeri dan persekutuan, akan terus berusaha menarik pelaburan asing ke Sabah termasuk ke daerah Sandakan terutamanya di dalam industri-industri yang disasarkan atau digalakkan bagi memastikan negara dan rakyat mendapat manfaat sepenuhnya daripada pelaburan-pelaburan asing ini.